

**SYARAT KELAYAKAN BANTUAN KEWANGAN GERAN BANTUAN KHAS  
SECARA RM3000.00 DI BAWAH INISIATIF PAKEJ PERLINDUNGAN RAKYAT  
DAN PEMULIHAN EKONOMI (PEMULIH) BAGI SYARIKAT PENGENDALIAN  
PELANCONGAN YANG BERLESEN DI BAWAH MOTAC**

1. Hanya syarikat perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan yang **berlesen dengan MOTAC sahaja yang layak menerima bantuan kewangan ini.**
2. Syarikat perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan **yang telah menerima bantuan kewangan RM3,000 di bawah inisiatif PEMERKASA** adalah **layak secara automatik** bagi bantuan PEMULIH dan tidak perlu membuat permohonan.
3. **Permohonan baharu** adalah perlu bagi syarikat pengendali pelancongan yang **tidak pernah menerima bantuan kewangan di bawah inisiatif PEMERKASA**.
  - i. Hanya pemegang lesen yang masih sah berkuatkuasa dengan MOTAC semasa permohonan dibuat layak menerima bantuan kewangan ini.
  - ii. Lesen perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan yang telah **tamat tempoh sah laku pada/selepas 1 Januari 2020** dan telah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen yang lengkap berserta dengan bayaran fi proses sebelum/pada **15 Oktober 2021** berdasarkan Garis Panduan Pembaharuan Lesen sedia ada **layak menerima bantuan kewangan ini.**
  - iii. Lesen perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembaraan yang **telah tamat tempoh sah laku sebelum/ pada 31 Disember 2019** dan telah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen dalam tempoh pelaksanaan **PEMERKASA & PEMULIH 2021 (17 Mac 2021 sehingga 15 Oktober 2021)** tidak layak dipertimbangkan untuk menerima bantuan kewangan ini.
  - iv. Mana-mana Syarikat Pengendali Pelancongan yang mempunyai kompaun tertunggak yang dikeluarkan oleh MOTAC di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [Akta 594] masih layak untuk menerima bantuan kewangan ini.

- v. Syarikat perniagaan pengendalian pelancongan dan perniagaan agensi pengembalaan yang layak menerima bantuan ini perlu mengemukakan Borang PEMULIH TOBTAB **secara dalam talian**.
  - vi. Tarikh tutup permohonan ditetapkan pada **15 Oktober 2021** dan sebarang permohonan yang dikemukakan selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.
4. Pemberian Bantuan Kewangan RM3,000 ini hanya akan diberikan kepada **lesen Ibu Pejabat sahaja**.

#### Tempoh Sah Lesen Tamat

**Sebelum/Pada 31 Disember 2019**

dan mengemukakan permohonan

pembaharuan dalam tempoh

**PEMERKASA & PEMULIH 2021 (17**

**Mac 2021 – 15 Oktober 2021)**

= **Tidak Layak**

Tempoh Sah Lesen Tamat

**Pada/Selepas 1 Januari 2020**

= **Layak**

